

1981

KOTA KINABALU, 14 FEB. (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MERASMIKAN BANGUNAN IBUPEJABAT PARTI BERJAYA BERHARGA 540 JUTA DI SINI HARI INI MEMUJI PARTI ITU YANG MEMBANGUN NEGERI SABAH DENGAN PESAT SEJAK LIMA TAHUN LALU.

KATANYA, TIDAK SIAPA YANG DAPAT MENAFIKAN BAHAWA SABAH TELAH DAPAT MENYAMBILKAN EKONOMINYA DI BAWAH PEMERINTAHAN BERJAYA.

TEGASNYA, KERAJAAN PUSAT MEMANG MAHU MELIHAT NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA DITADBIR DENGAN SEMPURNA MEMERUSI SISTEM PERSEKUTUAN YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA DIMANA KERAJAAN NEGERI DIBERI KUASA-KUASA TERTENTU.

PENGGUNAAN KUASA, BAIK DI PERINGKAT PUSAT ATAU NEGERI ADALAH PERKARA PENTING UNTUK MENENTUKAN BAIK-BURUENYA PERHUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK DAN PEMBANGUNAN SESEBUAH NEGERI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BERBANGGA TERBANA WALAUPUN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA SABAH ADALAH LEBIH DARI YANG DIBERIKAN KEPADA NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG, PERHUBUNGAN SABAH DENGAN KERAJAAN PUSAT BERJALAN DENGAN BAIK.

KERAJAAN PUSAT DAPAT MENJALANKAN TUGASNYA DI SABAH DENGAN SEMPURNA TANPA GANGGUAN, WALAUPUN PADA SATU MASA DAHULU BANYAK MASALAH YANG TIMBUL, KATANYA DI SAMBUT DENGAN TEPUKAN BERGEMURUH OLEH BERIBU-RIBU PENYOKONG BERJAYA YANG BERHIMPUN DIPERKARANGAN BANGUNAN 10 TINGKAT YANG BARU SIAP ITU.

—BERSAMBUNG 1747/BY

MAHATHIR-BERJAYA 2 KOTA KINABALU

33

TURUT HADHIR IALAH MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI, SPEAKER DEWAN RAKYAT TAN SRI SYED NASIR ISMAIL, PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN PARA PEMBESAR NEGARA YANG LAIN.

KATANYA PEMBANGUNAN SESEBUAH NEGERI DI MALAYSIA BUKAN BERGANTUNG KEPADA BEKALAN WANG SAHAJA TETAPI KEPADA KECEKAPAN PEGAWAI DAN KERJASAMA RAKYAT.

KATANYA PADA MASA SABAH MENCAPI KEMERDEKAAN MELALUI MALAYSIA TIDAK RAMAI RAKYAT MALAYSIA DI SABAH MAHIR DALAM SELOK-BELOK PENTADBIRAN DAN KELULUSAN MEREKA JUGA TERHAD TETAPI DALAM MASA YANG SINGKAT BILANGAN PEGAWAI-PEGAWAI SABAH TELAH MENINGKAT DAN KELULUSAN MEREKA JUGA BERTAMBAH.

KATANYA, HARI INI TIDAK TERDAPAT PERBEZAAN ANTARA PEGAWAI DARI SABAH DAN PEGAWAI DARI LAIN-LAIN TEMPAT DI MALAYSIA.

MENURUTNYA PENTADBIRAN SABAH BERJALAN LICIN DAN BANYAK IDEA-IDEA

BARU TELAH DIKETENGAHKAN DI SABAH UNTUK PEMBANGUNANNYA SERTA BANYAK KEGIATAN YANG DIASASKAN OLEH KERAJAAN SABAH TELAH MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT.

+NEGERI-NEGERI LAIN DI MALAYSIA HARUS MENCONTOHI APA YANG DICUBA OLEH SABAH+, TEGASNYA. —BERSAMBUNG 1802/BY

MAHATHIR-BERJAYA 3 KOTA KINABALU

MENGENAI BARISAN NASIONAL, PEMANGKU PERDANA MENTERI MENEGASKAN BARISAN NASIONAL BERKECUALI DALAM SEMUA PERTELINGKAHAN ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN.

+KITA BERSIKAP BERKECUALI, TIDAK MENYOKONG ATAU MENENTANG MANA-MANA PIHAK DALAM SEKETA MEREKA WALAUPUN KITA TETAP MENYOKONG SEMUA PARTI KOMPONEN APABILA MEREKA MELAWAN PARTI-PARTI LAIN YANG MENENTANG BARISAN NASIONAL+ TEGASNYA.

BELIAU MENYEBUT SEBAGAI CONTOH PERISTIWA YANG BERLAKU BARU-BARU INI DIMANA PEMIMPIN-PEMIMPIN DUA BUAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL CABAR-MENCABAR ANTARA SATU SAMA LAIN.

+SAYA FIKIR KITA TENTULAH SEDAR BAHAWA CABAR-MENCABAR SEPERTI INI TIDAK MEMBERI KERUATAN KEPADA BARISAN NASIONAL, UNTUK MENGELAKAN DARI PERPECAHAN PERISTIWA INI DIJADIKAN BAHAN LUCU, AKHIRNYA SEMUA CABARAN DITARIK BALIK DAN SEKALI LAGI BARISAN NASIONAL BERJALAN TANPA GANGGUAN. SEMENTARA ITU KITA BERSIKAP BERKECUALI+, KATANYA.

DATU SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG SEBUAH PARTI POLITIK DI SEMENANJUNG YANG PADA MULANYA BERJUANG MENGIKUT LUNAS-LUNAS AGAMA TETAPI DISEBABKAN KEJAYAAN TIDAK DICAPAI, MEREKA MEMULAKAN PULA CARA YANG BERTENTANGAN DENGAN AGAMA. — BERSAMBUNG 1813/BY

B593

MAHATHIR-BERJAYA 4 KOTA KINABALU

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA DEMOKRASI CUMA MEMBERI FAEDAH SEKIRANYA DIAMALKAN DENGAN BETUL.

+JIKA KITA MENGGUNAKAN KEKERASAN DAN UGUTAN, SAMA ADA DARI PARTI KERAJAAN ATAU TIDAK, KEBAIKAN DEMOKRASI DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN DAN KEMAJUAN AKAN HILANG. SEBALIKNYA NEGARA AKAN MENGHADAPI KUCAR-KACIR DAN MUNGKIN HANCUR+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PUSAT BERPEGANG KUAT KEPADA CARA-CARA DEMOKRATIK MELAINKAN APABILA MANA-MANA PIHAK MENGGUNAKAN DEMOKRASI UNTUK MENGHANCURKAN DEMOKRASI.

DALAM SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA, SEMUA CARA MENGATASI MASALAH ATAU MEMAJUKAN SUNGUTAN SUDAH PUN DISEDIAKAN.

+KITA HARUS MENGGUNAKAN CARA INI DAN TIDAK MEMAKSA SUPAYA NEGARA MENERIMA KEHENDAK KITA MELALUI CARA YANG TIDAK DEMOKRATIK SEPERTI MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN DAN CUBA MEROSAKAN HARTA BENDA ATAU MEMBINASAKAN ORANG LAIN+, KATANYA. ---
BERSAMBUNG 1818/BY

B597

MAHATHIR-BERJAYA 5 KOTA KINABALU

KATA DR. MAHATHIR: +MUNGKIN ADA ORANG YANG BERPENDAPAT BAHAWA MALAYSIA TIDAK DEMOKRATIK, INI BUKANLAH KERANA ANGGAPAN INI BENAR TETAPI OLEH KERANA DEMOKRASI MEMPUYAI BERBAGAI TAFSIRAN DAN KONSEP+.

MALAYSIA, KATANYA, MENGAMALKAN KONSEP DEMOKRASI YANG SEDERHANA YANG MENITIKBERATKAN BUKAN SAHAJA KEBEBASAN INDIVIDU TETAPI JUGA KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

+PADA PENDAPAT SAYA, MALAYSIA ADALAH LEBIH DEMOKRATIK DARI KEBANYAKAN NEGARA LAIN+.

SEMUA PIHAK, SAMADA KERAJAAN ATAU PEMBANGKANG HARUS PERTAHANKAN DEMOKRASI ALA MALAYSIA INI, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI BANGUNAN IBU PEJABAT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA ADALAH SATU LAMBANG KEJAYAAN PARTI BERJAYA.

—BERSAMBUNG 1820/BY

B598

MAHATHIR-BERJAYA 6 KOTA KINABALU

KATANYA, PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL SEDANG GIAT MENDIRIKAN IBUPEJABAT MASING-MASING.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERHARAP SEMUA PIHAK DI SABAH AKAN MEMPERBAHARUI AZAM MENJADIKAN NEGERI INI SEBUAH NEGERI YANG UTAMA DALAM PEMBANGUNAN.

+KEKAYAAN SABAH BELUM LAGI DIPERALATKAN DENGAN SEPENUHNYA UNTUK KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT, TETAPI DENGAN KEJUJURAN DAN DEDIKASI KERAJAAN SABAH TENTULAH DAPAT TENAGA DAN KEKAYAAN DIGEMBELING UNTUK KEPENTINGAN DAN KEBAHAGYAN RAKYAT.

KERAJAAN PUSAT, KATANYA, SEDIA MEMBERI APA JUGA BANTUAN DAN KERJASAMA YANG DIPERLUKAN. —BERSAMBUNG 1822/BY

MAHATHIR-BERJAYA 7 KOTA KINABALU

TERDAHULU DARI ITU KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH BERKATA SUNGGUPUN PARTI BERJAYA BOLEH BERBANGGA DIATAS KEJAYAANNYA IA SEDAR TENTANG TANGGUNGJAWAB BERAT SEDIKA SEBUAH PARTI MEMERINTAH YANG BERBILANG KAUM.

KATANYA, PARTI BERJAYA SEDAR BAHAWA SELURUH NEGARA SEDANG MEMERATI PRESTASI PARTI ITU DENGAN PANDAANGAN YANG KRITIKAL KERANA KONSEP BERBILANG KAUM YANG ADA DI SABAH SEDANG DALAM PERCUBAAN.

BAGAIMANAPUN PARTI BERJAYA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA IA DAPAT DITERIMA OLEH SEBILANGAN BESAR RAKYAT DI SABAH DAN KEPUTUSAN PILIHANRAYA YANG AKAN DATANG AKAN MENENTUKAN KEBENARAN INI.

DATUK HARRIS BERKATA PARTI BERJAYA MEMERLUKAN MANDAT YANG BARU DARI RAKYAT DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG BERLANDASKAN KEJAYAANNYA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN YANG LALU. —BERNAMA 1824/BY